

14/08/1998

Elak kenaikan harga (HL)

Faizal Fadzil; Azian Adnan

PETALING JAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah kerajaan menggalakkan rakyat membeli barangan buatan tempatan adalah untuk mengelakkan kenaikan harga berikutan kesan merebak barangan import.

Menurut Perdana Menteri, apabila rakyat Malaysia membeli barangan asing, gaji atau upah terpaksa dinaikkan dan ia menyebabkan harga barangan buatan tempatan turut meningkat.

"Sepatutnya tiada kenaikan harga kalau kita tak bergantung sama sekali kepada import dengan menyediakan semua keperluan kita dalam negara.

"Tetapi itu agak mustahil. Kita terpaksa import barangan seperti susu, gula, gandum, besi ... oleh kerana nilai mata wang jatuh, sudah tentu harga barang naik," katanya ketika merasmikan Ekspo Produk Malaysia, di sini hari ini.

Ekspo itu dianjurkan bersama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Persatuan Penyanyi, Pemuzik dan Pencipta Lagu Tanah air (Papita).

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Dr Mahathir berkata, rakyat menyambut baik usaha kerajaan mengurangkan barangan import dan ia adalah kemenangan awal dalam mengatasi masalah ekonomi.

Menurut beliau, sejak kempen beli barangan buatan Malaysia dilaksanakan, lebih dalam imbalan dagangan negara semakin bertambah.

Perdana Menteri berkata, dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini Malaysia mencatatkan lebih dagangan RM20 bilion berbanding defisit RM2.6 bilion pada 1997.

"Ia adalah kemenangan ketara hasil tindak balas positif rakyat terhadap gesaan kerajaan untuk mengurangkan barangan import dan meningkatkan permintaan bagi barangan tempatan," katanya.

Beliau berkata, permintaan bagi barangan tempatan boleh ditingkatkan kerana ia berkualiti tinggi dan diterima dalam pasaran eksport seluruh dunia.

"Malah, mikrochip buatan Malaysia sudah digunakan di angkasa lepas.

"Tiada alasan mengapa rakyat Malaysia tidak perlu membeli barangan tempatan," katanya.

Dr Mahathir berkata, dengan membeli barangan buatan Malaysia, orang ramai boleh membantu memulihkan ekonomi dan mengelakkan usaha pihak tertentu untuk menjajah negara ini sekali lagi.

Menurut Perdana Menteri, kempen Beli Barangan Malaysia tidak bermakna Malaysia mengisytiharkan pemulauan barangan asing kerana negara luar boleh melakukan perkara yang sama terhadap barangan Malaysia.

Bagaimanapun, selagi terdaya Malaysia perlu mengurangkan pergantungan ke atas barangan asing dan menambahkan permintaan bagi barangan Malaysia untuk menyelamatkan tukaran asing.

Beliau berkata, pameran seumpama boleh membantu menghasilkan permintaan bagi barangan buatan Malaysia dan orang ramai mesti membantu kempen itu.

(END)